



MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman
TEL : 04-7901200 / 04-7866328
FAKS : 04-7866639
E-MAIL : mdptk@mdptk.gov.my

**JABATAN KESIHATAN
PERSEKITARAN**
BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT & PERATURAN BAGI KELULUSAN IKLAN PREMIS

1. Permohonan untuk lesen iklan premis hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Penguasa-Penguasa Tempatan) Negeri Kedah, 1982 dan syarat-syarat yang berkaitan.
2. Iklan atau papan tanda tidak boleh dipasangkan sebelum lesen diperolehi.
3. Pemohon hendaklah mengemukakan satu (1) set visual yang berwarna dengan saiz kertas A4 dan mengikut format ditetapkan seperti berikut:
 - a. Ilustrasi terperinci iklan yang menunjukkan:
 - Ukuran Papan Tanda (Unit Meter).
 - Menyatakan aktiviti dalam Bahasa Malaysia.
 - Nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat di sudut bawah sebelah kanan.
 - Nyatakan sama ada iklan bercahaya atau tidak bercahaya.
 - Bilangan sisi / muka (perlu mendapat kebenaran jiran sebelah).
 - Nombor rujukan kelulusan papan tanda hendaklah dipamerkan dibahagian bawah kanan.
 - b. Gambar kedudukan iklan
 - c. Pelan lokasi dimana iklan akan dipasang
 - d. Nama dan tandatangan pemohon
 - e. Cop perniagaan
4. Permit struktur daripada Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan MDPT adalah perlu jika iklan yang didirikan mempunyai struktur hingga ke bumbung bangunan. Iklan yang menutup tingkap dan bersaiz besar hanya dibenarkan dengan kelulusan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
5. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan bahasa-bahasa lain. Jika tidak digunakan bersama bahasa lain, perkataan dalam Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar daripada bahasa lain, diutamakan dari segi kedudukan, digunakan dalam nahu yang betul dan perkataan tersebut mestilah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

terlebih dahulu. Pengesahan *online* boleh diperolehi melalui laman web <http://www.dbp.gov.my>.

6. Penggunaan tulisan Bahasa asing yang lain selain daripada Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil adalah tidak dibenarkan sama sekali. Penggunaan tulisan Jawi adalah digalakkan.
7. Hanya Bahasa yang digunakan oleh kaum etnik Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sahaja yang boleh dipaparkan pada iklan yang dipasang kecuali mendapat kelulusan MDPT.
8. Hanya nama sesuatu firma, syarikat atau persatuan sebagaimana yang didaftarkan adalah terdiri dari atau termasuk perkataan yang bukan dalam Bahasa Malaysia, adalah tidak perlu untuk diterjemahkan perkataan-perkataan itu ke dalam Bahasa Kebangsaan.
9. Tiada seorang pun boleh menggunakan di mana-mana bahagian iklan apa-apa perkataan "Halal", "Ditanggung Halal" atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau minuman yang dimaksudkan oleh iklan itu telah diproses, dimasak atau dibuat selain dengan cara yang diluluskan oleh JAKIM.